



Kristus 1





Published by the Comic Bible Society, LLC
Copyright © 2021

Kingstone Comics maintains copyright to this comic book as provided by United States copyright law.

Print and digital copies of this version may be freely distributed without penalty under a Creative Commons license.

DI TANAH JUDEA, DI SIMPANG
YERUSALEM, DALAM PERJALANAN
KE BETLEHEM.

SEMUA PENDUDUK EMPAYAR ROMA PERLU MENDAFTAR DIRI
UNTUK DIBANCI DAN SEMUA ORANG DIKEHENDAKI PERGI
KE KOTA ASAL MEREKA UNTUK MENDAFTARKAN DIRI.

ANTARA MEREKA
MERUPAKAN MARIA DAN
SUAMINYA YUSUF.

MEREKA BERANGKAT KE
BETLAHEM, 80 BATU SELATAN
DARI KAMPUNG HALAMAN
MEREKA DI NASARET.

MARIA, MARI
KITA BERHENTI.
HANYA UNTUK
SEKETIKA.

SAYA BAIK
SAJA, YUSUF.

KITA MAHU
SAMPAI SECEPAT
MUNGKIN.

BIASANYA, PERJALANAN INI
MENGAMBIL EMPAT HINGGA
LIMA HARI, TETAPI SI MARIA
MENGANDUNG.

BETLEHEM TIDAK
AKAN KE MANA-MANA.
IA MASIH AKAN BERADA
DI SANA APABILA
KAMI SAMPAI.

YA, DAN SEMUA
ORANG PUN AKAN
BERADA DI SANA
APABILA KAMI
SAMPAI!

JANGAN RISAU,
SAYA ADA SAUDARA
MARA DI SANA.

KAMI BOLEH TINGGAL
DI RUMAH PENGINAPAN
HINGGA KAMI DAPAT MENCARI
MEREKA. SEMUANYA AKAN
BERJALAN LANCAR.

SEPERTI YANG TELAH DILAKUKAN
BERKALI-KALI SEJAK BEBERAPA
BULAN INI, MARIA BERFIKIR BALIK
TENTANG PERKARA YANG
MEMBAWANYA KEMBALI
KEPADA SAAT INI.

SAYA
TAHU YUSUF,
SAYA TAHU.

SEORANG WANITA MUDA DARI KAMPUNG KECIL DI NASERAT, MARIA MENYANGKA DIA AKAN HIDUP DENGAN BIASA, TANPA SEBARANG PERISTIWA-PERISTIWA MENARIK.



DIA DAN SUAMINYA YUSUF SUDAH BERTUNANG, INI BERMAKSUD MEREKA SUDAH DIIKAT BERSAMA DALAM KONTRAK PERKAHWINAN.

TETAPI MEREKA MASIH TINGGAL BERASINGAN, DENGAN KELUARGA MEREKA MASING-MASING.

MENGIKUT TRADISI, MEREKA BERDUA MENUNGGU MALAM AYAH YUSUF AKAN MENGHANTARNYA UNTUK MENDAPATKAN MARIA.

KEMUDIAN, AKAN ADANYA UPACARA KEDUA YANG LAGI BESAR.



KEMUDIAN YUSUF AKAN MEMBAWA MARIA PULANG SEBAGAI PENGANTINNYA.

MARIA! SAYA TERNAHPAK YUSUF BEKERJA MEMBINA RUMAH BARU KAMU SEMALAM!

IBUBAPA KAMU BIJAK UNTUK MENGAWINKAN KAMU DENGAN SEORANG TUKANG KAYU!

DIA SEORANG LELAKI YANG BAIK!

YA!



HIDUP MEREKA BERSAMA AKAN BERMULA.



MARIA TAHU YUSUF, SEORANG LELAKI YANG BEKERJA KERAS DAN YANG MENYAYANGI TUHAN, AKAN MENJADI SEORANG SUAMI YANG BAIK.

MEREKA BERCADANG UNTUK TINGGAL DI RUMAH YANG YUSUF BINA, BERHAMPIRAN DENGAN RUMAH KELUARGANYA DI NASERAT, DAN AKAN HIDUP MENJADI TUA BERSAMA-SAMA.



TETAPI ITU MERUPAKAN RANCANGAN UNTUK SEORANG PEMUDA DAN ISTERINYA, DAN RANCANGAN ITU AKAN BERUBAH DENGAN DRAMATIK.

SALAM SEJAHTERA, MARIA...





APA... APA
YANG KAMU
NAK...

JANGANLAH
TAKUT MARIA!

ALLAH BERKENAN
KEPADA ENKAU.

ENKAU AKAN
MENGANDUNG, DAN
AKAN MELAHIRKAN
SEORANG ANAK
LELAKI.

HENDAKLAH
ENKAU
MENAMAKAN DIA
YESUS.



SAYA?

YA.
KAMU.



DIA AKAN MENJADI
AGUNG DAN AKAN
DISEBUT ANAK ALLAH
YANG MAHA TINGGI.

TUHAN ALLAH AKAN
MENJADIKAN DIA RAJA
SEPERTI DAUD, NENEK
MOYANG-NYA. DIA AKAN
MEMERINTAH SEBAGAI RAJA
KETURUNAN YAKUB UNTUK
SELAMA-LAMANYA.
KERAJAAN-NYA TIDAK
AKAN BERAKHIR!

TETAPI...



BAGAIMANAKAH PERKARA INI
BOLEH... BOLEH... BERLAKU?
YUSUF DAN SAYA MASIH
BELUM... BELUM...

SAYA
MASIH
DARA.

MARIA, ANAK
YANG AKAN LAHIR
ITU DISEBUT SUCI,
ANAK ALLAH!

BAGI ALLAH
TIADA PERKARA
YANG
MUSTAHIL!

KETAHUILAH,
SANAKMU ELISABET YANG
DIKATAKAN MANDUL,
SUDAH MENGANDUNG
ENAM BULAN, WALAUPUN
UMURNYA SUDAH LANJUT.



SAYA...



SAYA
HAMBA TUHAN.

BERITA INI BUKA SAHAJA
MENGANGGU HIDUP MARIA.

YUSUF! SAYA
HARUS BERCAKAP
DENGAN KAMU!

MARIA!

LIHAT! SAYA
TAHU DI MANA KITA
BOLEH MEMBINA
RUMAH KITA APABILA
KITA MEMPUNYAI
ANAK!

DAN SAYA
HARUS TAHU DI
MANA KAMU
INGINKAN
LUBANG API!

KENAPA,
MARIA?

JANGAN BIMBANG,
RUMAH INI AKAN SEDIA
SEBELUM MAJLIS
PERKAHWINAN KITA!

YUSUF, SAYA TIDAK
BIMBANG MENGENAI ITU...
SAYA ADA SESUATU YANG
PENTING UNTUK
BERITAHU KAMU.

JADI, YUSUF DENGAR SEGALA
YANG MARIA BERITAHUKAN.

...JADI
SEKARANG SAYA
MENGANDUNG
YUSUF.

KAMU FIKIR
SAYA AKAN
PERCAYA
SEMUA INI?

SAYA TELAH
MENGHABISKAN BANYAK
MASA DAN TENAGA UNTUK
MEMBINA RUMAH INI UNTUK
KAMU DAN ANAK-ANAK
KITA...

KELUAR
MARIA.

TOLONGLAH.

TIDAK LAMA KEMUDIAN, MARIA PERGI MENEMUI SEPUPUNYA ELISABET DI YUDEA, SEBUAH KOTA DI KAWASAN PERGUNUNGAN DEKAT NASERAT.

TERIMA KASIH KERANA BERJALAN BERSAMAKU, ZAKHARIA.

ADAKAH BAYI ELISABET... KAMU TIDAK AKAN MENJAWAB-KU KAN?



MARIA! SEPUPU KESAYANGAN-KU!



HAI, ELISABET.

ELISABET, ADA SESUATU YANG TIDAK KENA DENGAN ZAKHARIA. DIA TIDAK BERKATA APA-APA --

OOOH!

ELISABET! BAYI ITU?



YA! YA! TETAPI BUKAN SEPERTI APA YANG KAMU FIKIRKAN!



DAN ELISABET DIKUASAI OLEH ROH ALLAH.

MARIA, BERBAHAGIALAH KAMU ANTARA SEMUA WANITA!


BERBAHAGIALAH ANAK YANG AKAN KAMU LAHIRKAN ITU!

TETAPI, PENGHORMATAN YANG SEBESAR INI DIBERIKAN KEPADAKU, SEHINGGA IBU TUHANKU DATANG MELAWAT AKU!



OH ELISABET! BAGAIMANA... BAGAIMANA KAMU TAHU?

SEBAIK SAHAJA AKU MENDENGAR SALAMMU, ANAK DALAM KANDUNGANKU BERGERAK KERANA BERSUKACITA!



TERDAPAT BANYAK PERKARA YANG KITA HARUS BINCANGKAN...



... SAYA SANGAT BERSUKACITA APABILA KAMU MENJEMPUT SAYA KE SINI, ELISABET.

YUSUF BOLEH MENUNTUT UNTUK SAYA DIREJAM HINGGA MATI.

TETAPI DIA INGINKAN PENCERAIAN SECARA DIAM-DIAM; DIA TIDAK AKAN BERKAHWIN DENGAN SEORANG PEREMPUAN YANG BERZINA. SAYA BOLEH MELAHIRKAN ANAK INI DAN TINGGAL BERSAMA KELUARGA-KU.

DIA SEORANG LELAKI YANG BAIK. BAGINYA SEDIKIT MASA.



KAMU TANYA KALAU ADA SESUATU YANG TIDAK KENA DENGAN ZAKHARIA. MALAIKAT TUHAN PUN TELAH MENAMPAKKAN DIRI KEPADA ZAKHARIA.

ZAKHARIA DAN SAYA TIDAK PERNAH MEMPUNYAI ANAK, BUKAN KERANA KAMI TIDAK MAHUKAN ANAK-ANAK.

KAMI CUBA. KAMI BERDOA. KAMI BERPUTUS ASA.



"TIDAK BANYAK DALAM KEHIDUPAN KAMI. KAMI MEMUTUSKAN UNTUK PERCAYA BAHAWA TUHAN ADA TUJUANNYA."

"TETAPI APABILA ZAKHARIA BERADA DI YERUSALEM UNTUK BERTUGAS DI RUMAH TUHAN, DIA DIPILIH UNTUK MASUK KE DALAM RUMAH TUHAN DAN MEMBAKAR KEMENYAN DI ATAS MAZBAH."



"PARA IMAM BIASANYA MEMASUKI RUMAH TUHAN BERSENDIRIAN. TETAPI PADA WAKTU ITU, MALAIKAT TUHAN MENAMPAKKAN DIRI KEPADA ZAKHARIA!"

JANGANLAH TAKUT, ZAKHARIA!

ALLAH SUDAH MENDENGAR DOAMU. ISTERIMU ELISABET AKAN MELAHIRKAN SEORANG ANAK LELAKI.



HENDAKLAH ENKAU NAMAKAN DIA YOHANES DAN DIA AKAN BAWAKAN SUKACITA KE DALAM RUMAH-MU.

BANYAK ORANG AKAN BERSUKACITA APABILA DIA DILAHIRKAN!



DIA AKAN MEMIMPIN ORANG ISRAEL KEMBALI KEPADA TUHAN, ALLAH MEREKA. DIA AKAN MENJADI UTUSAN TUHAN YANG KUAT DAN BERKUASA SERTA SAMA DENGAN ELIA!

DIA AKAN MENDAMAIKAN BAPA DENGAN ANAK, SERTA MEMIMPIN ORANG YANG TIDAK TAAT KEMBALI KE JALAN YANG BENAR.

DIA JUGA AKAN MEMPERSIAPKAN UMAT, UNTUK MENYEDIAKAN JALAN UNTUK TUHAN!

"JADI SUAMI-KU, SEORANG IMAM DAN RABAI, KATAKAN INI KEPADA MALAIKAT TUHAN:"

SAYA TIDAK SEBERAPA MEMAHAMINYA PADA MULANYA, KERANA DIA HANYA BOLEH BERKOMUNIKASI DENGAN TANDA TANGAN DAN PENULISAN.

TETAPI APA YANG MALAIKAT ITU BERKATA TELAH TERJADI: ZAKHARIA MENJADI BISU DAN SAYA MENGANDUNG.

ZAKHARIA-KU TERSAYANG, DIA PELAJARI PENGAJARANNYA.

YUSUF KAMU PUN AKAN DEMIKIAN.

BAGAIMANA AKU BOLEH TAHU BAHAWA PERKARA INI AKAN BERLAKU? AKU DAN ISTERIKU SUDAH TUA!

HARAP-HARAP BEGITU, TETAPI SAYA TAHU APA YANG DIA FIKIRKAN TENTANG SAYA...

TUHAN TIDAK AKAN MENYIMPAN KEBENARAN DARINYA, DAN APABILA KEBENARAN DIKABULKAN KEPADANYA, YUSUF AKAN MAHU BERKHIDMAT KEPADA TUHAN SERTA SAMA DENGAN KAMI.

SAYA... SAYA HARAP.

MARIA TINGGAL BERSAMA ELISABET SELAMA TIGA BULAN.

TIBA MASANYA APABILA ELISABET MELAHIRKAN ANAK LELAKINYA DAN SAUDARA MARANYA TAHU TUHAN TELAH MENUNJUKKAN BELAS KASIHAN KEPADANYA DAN MEREKA TURUT GEMBIRA BERSAMANYA.

PADA HARI KELAPAN, SELEPAS BUDAK ITU DILAHIRKAN, DIA DIBAWA UNTUK DISUNAT.

SAYA BERHARAP ZAKHARIA AKAN BERCAKAP SEKARANG.


SAYA INGIN MENDENGAR **DIA** CERITAKAN PENEMUANNYA DENGAN MALAIKAT ITU.

SAYA TELAH BERHARAP DIA SUDAH BOLEH BERCAKAP SEMASA UPACARA SUNAT.

AKU GABRIEL YANG SENTIASA SIAP MELAKUKAN SURUHAN ALLAH. DIA SENDIRI MENGUTUS AKU KEPADAMU UNTUK MENYAMPAIKAN BERITA BAIK INI!

KERANA ENKAU TIDAK PERCAYA, ENKAU AKAN MENJADI BISU SEHINGGA APA YANG AKU KATAKAN BERLAKU!





DI NASERAT, YUSUF TERUS MENGHADAPAI APA YANG DIA TIDAK SANGKAKAN.

DIA BERFIKIR RANCANGANNYA BAIK.

IA AKAN MENYELAMATKAN HIDUP MARIA DAN AKAN MEMBENARKANNYA UNTUK KEKAL SOLEH DI MATA TUHAN...

TETAPI MENGAPA PERBUATAN INI RASA SALAH?




TUHAN, APA YANG HARUS-KU LAKUKAN?

RUMAH INI SEPATUTNYA MENJADI RUMAH KAMI.

HIDUP KAMI!

DIA TELAH MUSNAHKAN SEMUANYA BEGITU SAJA!



TUNJUKLAH KEPADA-KU.



MATIUS 1:19-20



YUSUF?



JANGANLAH
TAKUT,
YUSUF!

JANGANLAH
TAKUT
MEMPERISTERIKAN
MARIA!

DIA MENGANDUNG
KERANA KUASA ROH
ALLAH. MARIA AKAN
MELAHIRKAN
SEORANG
ANAK LELAKI!

ANAK ITU HARUS
ENGKAU NAMAKAN
YESUS, KERANA DIA
AKAN MENYELAMATKAN
UMAT-NYA DARIPADA
DOSA MEREKA.



APA...



APA YANG
TELAH BERLAKU?



APABILA YUSUF TERJAGA,
DIA MELAKUKAN APA YANG
DIKATAKAN OLEH MALAIKAT
TUHAN.



KEMUDIAN,
DI RUMAH ZAKHARIA
DAN ELISABET.

OHH,
KUATNYA
CANGKAMAN
KAMU SI
KECIL!

TUHAN TELAH
BUAT PILIHAN YANG TEPAT
APABILA DIA MENYURUH
KAMU UNTUK MEMBESARKAN
ANAK INI. KAMU BEGITU
BAIK DENGAN
KANAK-KANAK.



YUSUF?
APA YANG
KAMU LAKUKAN
DI SINI?

SEORANG
MALAIKAT. DIA
MENEMUI SAYA
JUGA.

JADI KAMU
PERCAYAKAN
SAYA?

YA MARIA.
SAYA PERCAYA
KAMU.



LIHAT,
SAYA SUDAH
BERITAHUKAN,
DIA AKAN
DATANG.
DIA
SEORANG
LELAKI YANG
BAIK.

SAYA
TAHU.



SAYA
HARUS BALIK --

-- UNTUK
HABISKAN
RUMAH KAMI --

-- TETAPI SAYA
MAHU KAMU TAHU
APA YANG TELAH
BERLAKU.

SEMUAANYA AKAN
BERJALAN SEPerti
YANG DIRANCANGKAN,
JIKA KAMU MASIH
MAHU.

YA YUSUF!
SUDAH TENTU!



SAYA TELAH BERJANJI
UNTUK MEMBANTU
ELISABET DENGAN
BAYINYA UNTUK
BEBERAPA MINGGU
LAGI.

PULANGLAH
SECEPAT
MUNGKIN.

KAMI TIDAK TAHU
BILA AYAH SAYA AKAN
MENGHANTAR-KU UNTUK
MENGAMBIL KAMU, TETAPI
SAYA INGIN MENCARI
KAMU APABILA HARI
ITU TIBA!

SELEPAS MARIA PULANG DARI RUMAH
SEPUPUNYA, DAN SELEPAS YUSUF MENYIAPKAN
RUMAH MEREKA, TIBALAH MASANYA APABILA
AYAH YUSUF MENGHANTARNYA UNTUK
MENGAMBIL PENGANTIN PEREMPUANNYA.

DENGAN KERIANGAN, YUSUF DAN
PENGAPIT-PENGAPIT LELAKINYA
MEMBAWA MARIA KELUAR DARI
RUMAH KELUARGANYA DAN MAJLIS
PERKAHWINAN MEREKA DISELESAIKAN.

TETAPI YUSUF TIDAK
BERSEKETIDURAN DENGAN
MARIA SEHINGGA MARIA
MELAHIRKAN ANAK LELAKINYA.



WALAU BAGAIMANAPUN, ANAK
ITU TIDAK DILAHIRKAN DI RUMAH
YANG YUSUF TELAH BINAKAN.

-- KERANA TIDAK LAMA SELEPAS MEREKA BERKAHWIN, SEMUA PENDUDUK DITITAHKAN UNTUK MENDAFTARKAN DIRI UNTUK DIBANCI DI KOTA ASAL MEREKA.



DAN SEKALI LAGI, MARIA DAN YUSUF MENDAPATI MEREKA MELALUI SUATU JALAN HIDUP YANG TIDAK DIJANGKA.

TETAPI MEREKA PERCAYAKAN TUHAN DAN TAHU MEREKA MENGIKUTI JALANNYA.



YUSUF, SAYA MASIH BOLEH BERJALAN.

MUNGKING, TETAPI KAMU TIDAK PERLU.

KITA KENA CEPAT.

SEMUA BILIK BAIK AKAN DIAMBIL.



PATAH BALIK! BALIK RUMAH MASING-MASING!

MENGAPA KAMU TAAT DENGAN MEREKA YANG MENDUDUKI TANAH KAMI DENGAN MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM BANCIAN INI?



EMPYAR ROMA TIDAK MEMEGANG APA-APA TUNTUTAN DENGAN KAMI! KAISAR MEMANGGIL DIRINYA TUHAN, TETAPI KITA HANYA SETIA KEPADA SATU TUHAN!

SEORANG PERLU MENJELASKAN INI KEPADA "RAJA" KITA, HERODES!

KAMI HAMPIR DI SANA! BETLEHEM! KOTA NENAK MOYANG-KU! TEMPAT LAHIR RAJA DAUD!




TEMPAT LAHIR ANAK INI JUGA. KITA PERLU DAPATKAN TEMPAT TINGGAL YUSUF.

SECEPAT MUNGKIN.



KITA AKAN TIDUR DALAM SEBUAH KATIL YANG SELESA MALAM INI DAN AKAN BERHUBUNG DENGAN KELUARGA SAYA ESOK.

DAN MEREKA GEMBIRA DENGAN RANCANGAN INI.



RAJA
HERODES!



KAMU
ADALAH UTUSAN
JENERAL
KIRENIUS?

YA, BAGAIMANA
SAYA BOLEH
BERKHIDMAT
KEPADA-MU??

GABENOR KIRENIUS
INGIN TAHU KEADAAN
BANCİ, TUANKU
HERODES.



JENERAL KIRENIUS
ADALAH GABENOR NEGERI
SIRIA, TETAPI --

JENERAL KIRENIUS
MUNGKIN BUKAN
GABENOR YUDEA,
TUANKU HERODES --

-- TETAPI DIA
MASIH MENTADBIR
KAMU.

LAPORKAN KEPADA
JENERAL KIRENIUS BAHAWA
TIDAK APA-APA YANG TELAH
BERUBAH SEJAK
Pemeriksaan
TERAKHIRNYA.



ORANG MASING-MASING
KE KAMPUNG HALAMAN
MEREKA SEPERTI DITITAHKAN
ROMA. TETAPI TERDAPAT
PEMBERONTAKAN KECIL
DI SANA DAN SINI.

PERINTAHNYA
TELAH
MENGUNAKAN
BANYAK MUHIBAH
YANG BETA ADA
DENGAN ORANG-
ORANG INI.



HMMMM ...
BANCİ
INI ADA
TUJUANNYA.

IA
MENUNJUKKAN
SIAPA YANG
SETIA KEPADA
ROMA, DAN SAYA
RASA, KEPADA
TUANKU JUGA.

PEMBERONTAKKAN INI
MEMBERI KAMI GAMBARAN
TENTANG KEBERATAN
PENENTANGAN ORANG
TERHADAP ROMAN DAN
RANTAU TUANKU.

KAMU TIDAK
MELAPORKAN BAHAWA
FARISI-FARISI DI RANTAU
TUANKU TIDAK
MEMPUNYAI RANCANGAN
UNTUK MENGAMBIL
BAHAGIAN DALAM
BANCİAN INI.





BANCIAN
BELUM
SELESAI.

KAMU BOLEH
LAPORKAN KEPADA
JENERAL KIRINIUS
BAHAWA SEMUANYA
DIKAWAL.

DAN BERITAHULAH DIA,
DIA TIDAK PERLU
MENGHANTAR ANJING
ABDINYA UNTUK MEMERIKSA
KEADAAN SAYA.



MARI.



PERNAHKAH KAMU
MENDENGAR JENAKA
CAESAR TENTANG
SI HERODES?

TUAN?

CAESAR BERKATA,
"SAYA LEBIH RELA JADI
SEEKOR BABI DI RUMAH
HERODES DARIPADA SALAH
SEORANG ANAKNYA."

HERODES BERPURA-PURA
UNTUK MENJADI SEORANG YAHUDI YANG
TIDAK MAKAN DAGING BABI DENGAN
HARAPAN RAKYAT AKAN MENERIMANYA.



TETAPI DIA TELAH MEMBERI AHLI
KELUARGANYA SENDIRI KEPADA
BUAYANYA UNTUK DIMAKAN
KERANA TAKUT MEREKA
MENGANCAM TAKHTANYA.

DIA MUNGKIN
AKAN MEMBERIKU
KEPADA BUANYA JIKA
SAYA BUKA SEORANG
PEGAWAI DARI ROMA.

LELAKI INI SANGGUP
MELAKUKAN APA SAJA
DEMI TAKHTANYA.

"—APA SAJA."





BETLEHEM.

WAKTU SENJA.

WALAUPUN JIKA SAYA TAHU DI MANA UNTUK MENCARI SAUDARA MARA SAYA, SAYA RAGU SAYA DAPAT MENEMUI MEREKA DENGAN SERTA-MERTA.

MARILAH KITA CARI TEMPAT UNTUK MENUMPANG UNTUK BEBERAPA HARI INI.

KITA BOLEH CARIKAN MEREKA KEMUDIAN. SAYA PERLU - AH! -BARING.



INI BUKAN APA YANG SAYA SANGKAKAN.

BAGAIMANA KEADAAN KAMU?

BELANGKUKU SEDIKIT... TIDAK SELESA. MARI KITA CARIKAN RUMAH TUMPANGAN.



TOLONG TUAN, ADAKAH KAMU MEMPUNYAI BILIK UNTUK KAMI?

SEMUYANYA PENUH SEJAK SEMINGGU LALU!



KAMI BERHARAP MUNGKIN KAMU MEMPUNYAI SATU BILIK KECIL YANG MASIH KOSONG.

KAMI SEDIA UNTUK BERKONGSI.

MAAF, KELUARGA YANG SEWA DI ATAS TIDAK MAHU BERKONGSI DAN KELUARGA DI TINGKAT BAWAH SUDAH BERKONGSI DENGAN KELUARGA SAYA SENDIRI!



HAI! ADA SIAPA-SIAPA DI SANA?

MARI KAMI PERGI YUSUF, MEREKA TIDAK AKAN BUKA PINTU ITU.

RUMAH ITU PENUH BERDASARKAN BUNYI DARI DALAM.



TOLONGLAH TUAN, TIADA SESIAPA YANG ADA BILIK KOSONG UNTUK KAMI.

MAAFKAN SAYA!

KAMI HANYA PERLUKAN TEMPAT UNTUK MENUMPANG. ISTERI SAYA--

YA! LEBIH BAIK KAMU CARIKAN TEMPAT SECEPAT MUNGKIN. DIA KELIHATAN DIA SEDIA UNTUK BERANAK!









PADA MALAM ITU, BEBERAPA ORANG GEMBALA SEDANG MENJAGA DOMBA DI PADANG.

DATUK, MENGAPA KITA HARUS BERADA DI SINI?

SAYA SEJUK DAN PENAT!

AH TOBIN! MENGAPA KAMU TIDAK SUKA BERADA DI SINI PADA MALAM SEPERTI INI!

KAMI MELINDUNGI HAIWAN-HAIWAN YANG PALING BERTAGH. BIRI-BIRI INI MEMBERI KAMI BULU UNTUK MEMANASKAN BADAN KAMI; DAGING DAN KEJU SEBAGAI MAKANAN; SUSU UNTUK MENGHILANGKAN DAHAGA ORANG KAMI!

RAJA DAUD PUN SEORANG GEMBALA DULU – MUNGKIN KAWANAN KAMI BOLEH DIJEJAK KEMBALI KEPADA SALAH SATU DARIPADA KAWANANNYA!

DAN BEBERAPA ANAK DOMBA DARI BIRI-BIRI INI MUNGKIN AKAN DIGUNAKAN SEBAGAI KORBAN UNTUK DOSA-DOSA--

APA YANG SEDANG BERLAKU?

DATUK, LIHAT!

JANGANLAH TAKUT!

PADA HARI INI, DI KOTA DAUD, BETLEHEM, PENYELAMAT KAMU TELAH DILAHIRKAN.

DIALAH TUHAN KRISTUS!

KAMU AKAN MENEMUI SEORANG BAYI YANG DIBEDUNG DENGAN KAIN DAN BERBARING DI DALAM PALUNG!



TERMULIALAH ALLAH
DI LANGIT YANG TERTINGGI!
DAN DI ATAS BUMI,
SEJAHTERALAH MANUSIA
YANG MENYENANGKAN
HATI-NYA!



... TUHAN ADALAH
PENYELAMAT.



Seni
Grafis



"THE BIBLE EXPLAINED
IN EVERY LANGUAGE."



SUPERBIBLE.TV